

DR M — PEMIMPIN YANG DIHORMATI

KETOKOHAN Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang negarawan bukan sahaja terletak kepada perubahan cara pimpinannya tetapi juga ketegasannya dalam melaksanakan sebarang perancangan. Ketegasan ini jelas dilihat dalam sebarang keputusan yang dibuatnya, meskipun keputusan itu mungkin tidak popular bagi setengah pihak.

Ini satu keistimewaan yang dikagumi di semua peringkat termasuk parti-parti pembangkang. Walaupun tempoh beliau meneraju kerajaan belum sampai setahun tetapi ketokohnya sudah dihormati dan ada kalanya disegani.

Kerana ketegasan dan perubahan cara pimpinannya inilah, Datuk Seri Dr. Mahathir muncul men-

kepada Asean) menunjukkan Malaysia menuju ke arah pembentukan identitinya yang tersendiri dan tidak lagi terlalu bergantung kepada barat.

Identiti yang sedang ditujui ini ialah mengimbangkan pembangunan material dan rohani rakyatnya. Dalam artikata yang lain, pembangunan sesuatu masyarakat itu mestilah diikuti dengan ketinggian moral dan kerohanian kerana pembangunan material semata-mata tidak menjamin keamanan dan ketenteraman umat.

Oleh yang demikian, tindakan Malaysia mengarahkan pandangannya ke Jepun dan Korea Selatan bertujuan menghayati nilai hidup satu masyarakat yang tekun dan dedikasi bekerja manakala penekanan Malaysia

dalam hubungannya dengan negara-negara Islam pula untuk menghayati nilai-nilai keislaman yang tinggi.

Jelaslah, perubahan dasar luar Malaysia

tetapi dibuktikan. Lawatan beliau ke negara-negara Teluk baru-baru ini menunjukkan betapa beliau serius dan tegas melaksanakan dasar yang dirancangkannya. Walaupun pemimpin-pemimpin Malaysia sebelum ini pernah melawat negara-negara Islam tetapi tidak terdapat sesuatu hasil yang membanggakan.

Lawatannya yang begitu singkat bukan

sahaja dapat melahirkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia, tetapi juga berjaya menanam kepercayaan negara-negara Teluk bahawa negara ini juga boleh menyediakan peluang-peluang kerjasama ekonomi yang baik. Tidak sampai seminggu dari lawatannya, sekumpulan sebelas orang rombongan Dewan Perniagaan Dubai mengadakan kunjungan ke Malaysia dan ini membuktikan betapa keyakinan sudah tersemal.

kesannya dan bukan sekadar menyedapkan teliga yang menderang.

Ketokohan Datuk Seri Dr. Mahathir di kalangan negara-negara Islam bukan sahaja terbukti dengan kejayaan menubuhkan universiti itu tetapi juga keberaniannya berdepan secara terbuka dengan pemimpin-pemimpin dan kalangan usahawan di sana.

Dalam semua pertemuan dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian di sana, Datuk Seri Dr. Mahathir seorang diri berhujah dan berbincang dengan puluhan usahawan di sana yang mengemukakan berbagai pertanyaan. Walaupun beberapa pegawai khas mengiringi lawatannya itu tetapi fungsi mereka tidak ketara kerana Perdana Menteri seorang diri mampu menyelesaikan sebarang persoalan tanpa merujuk kepada pegawai-pegawainya.

Ini lah satu lagi

Seri Dr. Mahathir seorang yang tidak suka membazirkan masa. Semua masa lapangnya baik semasa dalam penerbangan

ataupun di bilik beliau kelihatan berpanjangan meneliti fail-fail dan surat-surat tertentu. Pastinya beliau mahu memastikan apa yang akan dibincang atau dijelaskannya nanti betul-betul kemas dan berkesan.

Begitu jugalah dengan keadaan pejabatnya. Barangkali inilah kali pertama meja Perdana Menteri Malaysia ditimbuni dengan fail-fail, laporan-laporan dan buku-buku. Mungkin ini juga menunjukkan perubahan cara pimpinannya yang dibayangkan sejak awal dulu lagi.

Kerana kecerdasan dan ketinggian pemikirannya lah, menyebabkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seorang Perdana Menteri yang sibuk. Kesibukan beliau,

dadak di arena antarabangsa khususnya di kalangan negara-negara barat.

Sebagai seorang yang memegang kepada prinsip tegas, cekap, bersih dan beramanah, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mudah dipengaruhi atau dipermudahkan. Sesiapa sahaja yang tidak mengikuti prinsip-prinsip ini terpaksa menghayatinya segera, kalau tidak mungkin menghadapi berbagai masalah.

Ketegasan beliau melaksanakan cara pimpinannya ini terbukti sejak awal beliau menjadi Perdana Menteri lagi. Peristiwa 'Dawn Raid' — pengambilan alih Syarikat Guthrie oleh Permodalan Nasional Bhd. bukan sahaja mengejutkan bekas penjahat, malah memulakan satu siri hentam menghentam antara Kuala Lumpur dengan London.

Peristiwa ini menjadi satu sejarah bagi rakyat dan kerajaan Malaysia kerana inilah pertama kali pemimpin Malaysia secara terang-terangan membidas sikap bekas penjahatnya. Ketegasan beliau dalam perkara ini telah memaksa London menghantar Lord Carrington ke Malaysia untuk 'memujuk' Malaysia yang m u l a m e n g u b a h k a n arahnya.

Tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ini menunjukkan hakikat pemikiran dan cita-cita beliau yang tulen. Sebagai seorang ahli UMNO yang pernah digelar 'ultra' beliau tidak takut melakukan sesuatu yang difikirkan perlu dan berfaedah demi kepentingan rakyat dan negara yang dipimpinnya.

Perubahan dasar luar Malaysia ke Timur dan negara-negara Islam (selain dari tumpuan utama

bukan dibuat atas perkiraan ekonomi sahaja tetapi juga kerohanian rakyatnya agar formula menuju identiti Malaysia yang seimbang dicapai.

Menyentuh persoalan ekonomi, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan Perdana Menteri Malaysia pertama yang sanggup berdepan dengan masalah ini. Walaupun zaman pimpinannya, keadaan ekonomi Malaysia dipengaruhi oleh zaman meleset sedunia, tetapi kesan yang ditanggung oleh Malaysia amat sedikit dibandingkan dengan negara-negara lain.

Bagi mengatasi masalah ini secara berkesan, rakyat perlulah diberi tanggungjawab yang sama. Justru itu sikap dan pemikiran rakyat juga perlu diorientasi ke arah itu.

Mengajar rakyat Malaysia memiliki etika pekerjaan seperti rakyat Jepun atau Korea adalah penting dari segi pembangunan material. Justru itu pandangan barat, khususnya bekas penjahat yang mengatakan orang-orang Melayu bangsa yang lemah dan pemalas dapat dibuktikan tidak benar.

Bagaimanapun, pembangunan material sahaja tidak menjamin keamanan dan ketenteraman, kerana itu unsur-unsur moral dan kerohanian suci perlu dihayati bersama. Kerana perseimbangan ini perlu, maka perhubungan Malaysia dengan negara-negara Islam perlu diperkukuhkan lagi, yang juga secara langsung membawa erti tertentu kepada perkembangan ekonomi.

Kedua-dua dasar beliau ini dibayangkan sebaik sahaja Datuk Seri Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri. Justru itu terbuktilah bahawa apa yang dikatakannya itu bukan untuk mainan kata semata-mata

Ketegangan

Pengumuman Universiti Islam itu bukan sahaja membuktikan kesungguhan beliau menghayati nilai-nilai keislaman, bahkan menunjukkan ketegasan seorang pemimpin. Apakah tidaknya, pengumuman universiti itu dibuat tatkala pilihan raya menjelang tiba sedangkan isu Universiti Merdeka belum lagi dibereskan. Ramai pemerhati politik ketika itu meramalkan satu ketegangan akan wujud.

Bagaimanapun dugaan itu tidak tepat kerana semua pihak termasuk parti pembangkang mengalu-alukan langkah beliau itu. Bahkan pihak-pihak yang berkepentingan dengan Universiti Merdeka juga tidak bersuara kerana mereka juga memahaminya apakah hasrat sebenar pemimpin negara itu.

Bagi setengah pihak melihat pengumuman itu sebagai satu kempen pilihan raya, sebenarnya tidak, kerana perancangan universiti itu sudah dibuat sejak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memegang jawatan Menteri Pelajaran lagi. Lawatan beliau ke negara-negara Teluk itu adalah langkah terakhir mendapat restu dari negara-negara Arab setelah lawatan untuk tujuan yang sama dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong ke Kuwait dan Saudi Arabia.

Sebenarnya, kelewatan beliau mengumumkan penubuhan universiti itu juga menunjukkan ketegasan beliau dalam melaksanakan sesuatu projek. Seorang pemimpin

seperti ini sudah tentu tidak suka mengheboh-hebohkan sesuatu yang baru dirancang, kerana baginya melaksanakan sesuatu biarlah ada

keistimewaan Perdana Menteri yang memiliki pemikiran yang tajam, bernas dan daya ingatan yang kuat. Beliau bukanlah calang-calang pemimpin kerana berbincang soal-soal ekonomi memerlukan satu profesionalisme dan pengetahuan yang baik. Justru itu kemampuan beliau ini terpaksa diakui, walaupun beliau lulus kedoktoran perubatan.

Kesanggupan Perdana Menteri membincangkan persoalan-persoalan ekonomi dengan para usahawan luar menunjukkan beliau memang berkemampuan berbuat demikian. Bukan sekadar itu, malah beliau juga beberapa kali begitu tegas mengkritik secara terang-terangan sistem ekonomi antarabangsa sekarang yang begitu mengancam negara-negara membangun.

Mengkritik

Jauh lebih dari itu beliau juga mampu bercakap tentang per-ekonomian Islam. Beliau mengakui sistem ini baik dan boleh menyela-sela

masalah ketidakadilan yang berlaku. Bagaimanapun secara tegas pula beliau memberitahu bahawa sistem itu tidak boleh dilaksanakan lagi kerana ekonomi negara dipengaruhi oleh ekonomi antarabangsa.

Kerana inilah, maka beliau sehingga kini belum lagi mengumumkan pelancaran Bank Islam walaupun peringkat akhir pelaksanaannya sudah selesai. Ini bukanlah kelemahan beliau tetapi persekitaran yang tidak mengizinkannya lagi walaupun beliau benar-benar serius dalam perkara itu.

Semasa mengikuti lawatannya ke negara-negara Teluk tempoh hari, kelihatan Datuk

itu boleh disifatkan sebagai tamatnya tradisi kepimpinan yang suka bergantung kepada orang kedua.

Kerana ketegasan jugalah Perdana Menteri bertindak mengadakan pilihanraya begitu awal demi mendapat mandat rakyat terhadap caranya melaksanakan dasar kerajaan. Secara terang beliau pernah berkata, seorang pemimpin bukanlah bererti tuan tetapi pekerja untuk rakyatnya. Oleh itu mandat rakyat perlu diperolehi bagi menjamin sebarang pembangunan yang akan dilakukan nanti mendapat restu rakyat.

Pernyataan ikhlas ini menunjukkan satu pengakuan kesungguhan seorang pemimpin untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang tulen tanpa mengira bangsa dan keturunan. Perkara ini juga telah dinyatakan sejak awal-awal lagi bahawa setiap bangsa ada haknya sekiranya memahaminya dan menilai kedudukan masing-masing secara jujur dan ikhlas.